

MEMPERKASAKAN PERUNDANGAN SYARIAH DAN MAHKAMAH SYARIAH

Oleh: Azry Ismail bin Hassan

Alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat penulis menyatakan idea mengenai pandangan penulis sepanjang berkhidmat sebagai pegawai syariah di Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri JOhor. Sebelum penulis berceles mengenai pandangan penulis, terlebih dahulu penulis berbangga dapat berkhidmat sebagai penjawat awam di negeri ini yang mana selain menjadi negeri yang menjadi tempat kelahiran penulis, negeri ini juga dari segi sosialnya hidup berbilang bangsa dan agama. Agama Islam menjadi agama rasmi persekutuan selaras dengan perkara 3 di dalam perlembagaan namun agama lain bebas diamalkan oleh kaum lain selagi mana tidak mengganggu gugat agama islam. Inilah yang menjadi asas ketenteraman antara kaum di Malaysia dan negeri johor yang berada di dalam salah satu antara 14 negeri di Malaysia yang menikmati kemakmuran dan keharmonian hidup berbilang bangsa dan agama. Alhamdulillah

Setelah bermukadimah, penulis kembali semula pada tajuk yang ingin disampaikan. Bahawa bidang tugas penulis antara fungsinya mewakili pihak kerajaan negeri johor dalam mendakwa pihak yang melakukan kesalahan syariah dengan membawa kesnya ke muka pengadilan (Mahkamah Syariah). Secara amnya setiap individu yang memegang kewarganegaraan Malaysia dijamin kebebasannya untuk bercakap freedom of speech, berhimpun, beragama dan berpesatuan. Ini selaras dengan perkara 5 perlembagaan persekutuan jika dihayati membawa maksud tiada siapa boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan peribadinya melainkan mengikut undang-undang. Jika diamati perkara 5 dalam perlembagaan ni boleh disimpulkan bahwa setiap warganegara bebas bercakap, berhimpun dan pergi ke mana-mana saja tanpa rasa bimbang dirinya ditangkap namun jika orang tersebut melakukan perkara yang undang-undang telah larang maka dia boleh ditangkap, dibicarakan dan boleh dihukum, oleh sebab itu kebebasan asas yang kita kecapi ini tidaklah mutlak namun ianya dikawal oleh undang-undang yang dibuat atau digubal secara sah di dewan parlimen ataupun dewan negeri. Apakah undang-undang itu? Secara umumnya perundangan di Malaysia terbahagi kepada 2 iaitu perundangan sivil dan perundangan syariah

Penulis ingin berkongsi pemerhatian penulis berkenaan perundangan syariah dan ada beberapa pandangan untuk memperkasakannya. Pertamanya punca kuasa perundangan syariah ini Di nyatakan didalam perkara 121 (1a) yang menyentuh bidang kuasa eksklusif Mahkamah syariah dalam melaksanakan fungsinya tersendiri berikutan berlaku pertindihan bidang kuasa antara mahkamah syariah dan sivil apabila pihak yang dibicarakan itu melibatkan pihak yang beragama islam. Menjadi

perbincangan para ahli akademik tentang mahkamah mana yang lebih berbidangkuasa keatas orang yang beragama islam apabila orang islam tersebut dibicarakan. Penulis masih teringat kes Che Omar Che Soh lwn PP, yang mana tertuduh dijatuhi hukuman mati mandatori kerana kesalahan dadah dan senjata api lalu tertuduh mengemukakan rayuannya dengan membawa hujah bahwa tertuduh adalah org islam yg terikat dengan undang2 islam dan perkara 3 perlembagaan telah menyatakan agama islam adalah agama rasmi oleh sebab itu tertuduh yakin hukuman mati keatasnya adalah bertentangan dengan perkara 3 perlembagaan persekutuan, namun hakim Tun Salleh Abas menolak rayuan tertuduh dan menyatakan perkara 3 berkenaan agama Islam tak lain tak bukan hanyalah ritual dalam upacara rasmi sahaja dan bukanlah mengambil sepenuhnya undang-undang islam seperti hudud, qisas dan takzir. Maka tafsiran yang dibuat oleh Hakim tun salleh abas dlm perkara 3 perlembagaan jelas menunjukkan negara ini tidak menggunakan perundangan syariah dalam prinsip perundangan namun menggunakan undang-undang common law yang divedok dari India

Justeru penulis berpendapat kedudukan Mahkamah Syariah perlu dimartabatkan dengan cara meminda perkara 121 (1a) iaitu mahkamah syariah tidak boleh menumpang di bawah peruntukan perkara 121 seperti yang ada sekarang, mahkamah syariah perlu berdiri sendiri seperti klausa kuasa yang diperuntukan kepada mahkamah sivil. Apabila perkara ini berjaya, setiap emolomen hakim-hakim syarie, pendaftar, pendakwa syarie dinaikan bagi menjamin integriti para pegawai syariah. Had hukuman denda, penjara dan sebatan juga perlu dinaikan bagi mengekang kesalahan jenayah syariah khususnya kesalahan yang berkaitan akidah kerana kesalahan ajaran sesat ini boleh mendatangkan kegusaran awam, perbalahan yang berpanjangan jika had hukuman kesalahan ini masih berada di takuk yang lama, perlu dingat enaken kesalahan syariah johor digubal pada tahun 1997 yang mana pada ketika itu teknologi, nilai sosial masih mundur dan jauh tekebelakang jika nak diabandingkan harini sudah tentu tidak praktikal. Oleh itu penulis dan rakan-rakan seperjuangan berusaha menyumbangkan idea dan tenaga bagi memastikan agenda memoerkasakan mahkamah syariah ini berada pada landasan yang betul agar dapat direalisasikan. InsyAllah

Sekian dari penulis.